

PARAMETER AKAD PERTUKARAN DALAM ISLAM: SATU TINJAUAN BERDASARKAN PERBANDINGAN MAZHAB

PARAMETERS OF EXCHANGE AGREEMENTS IN ISLAM: A REVIEW BASED ON MAZHAB COMPARISON

Aemy Bin Aziz¹
Hadenan Bin Towpek²
Amal Hayati Binti Ishak³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia, (E-mail: aemy@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia (Email: hadenan298@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia, (Email: amalhayati@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 21-2-2024
Revised date : 22-2-2024
Accepted date : 4-4-2024
Published date : 15-4-2024

To cite this document:

Aziz, A., Towpek, H., & Ishak, A. H. (2024). Parameter Akad Pertukaran Dalam Islam: Satu Tinjauan Berdasarkan Perbandingan Mazhab. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (61), 534 – 543.

Abstrak: Ikatan kontrak atau "al-aqd" merupakan aspek yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan harian manusia kerana setiap manusia mempunyai kehendak. Kontrak tidak hanya terbatas pada bidang ekonomi atau muamalah, namun merangkumi aspek sosial dan politik. Konsep ini, yang telah lama diamalkan, menitikberatkan komitmen terhadap semua pihak yang terlibat, membentuk dasar kukuh untuk hubungan yang baik dalam masyarakat agar kesejahteraan dan keadilan dapat di tegakkan. Dalam konteks ekonomi, kontrak menjadi aspek penting dalam perniagaan dan perdagangan. Elemen-elemen kontrak meresap ke dalam setiap aspek muamalah, memastikan setiap transaksi dilakukan dengan integriti dan kejujuran. Keberadaan kontrak tidak hanya menjaga hubungan antarindividu, tetapi juga melindungi hak setiap individu yang terlibat. Persetujuan antara dua pihak mengenai suatu perkara tidak hanya menjadi perjanjian sepihak, tetapi juga membawa implikasi perundangan. Kedua pihak diikat oleh kewajiban untuk mematuhi semua terma kontrak, menegaskan pentingnya kepatuhan terhadap perjanjian tersebut. Kontrak bukan hanya sekadar peraturan hukum, tetapi juga dasar kepercayaan dalam urusan perniagaan. Kehadirannya menegaskan tanggungjawab pelaksanaan dengan integriti, membentuk dasar yang kukuh untuk pemeliharaan keadilan dan keharmonian dalam masyarakat ekonomi. Dengan itu, kontrak bukan sekadar alat untuk mengatur transaksi, tetapi juga merupakan tiang yang membina kepercayaan dan keseimbangan dalam interaksi manusia dalam kehidupan seharian. Pemahaman yang baik berkaitan kontrak berlandaskan mazhab tertentu membolehkan manusia menjalankan akad pertukaran dengan baik dan memenuhi segala tuntutan yang telah ditetapkan dalam hukum syarak.

Kata Kunci: Parameter, Akad Pertukaran, Perbandingan Mazhab, Tinjauan

Abstract: *Contractual or "al-aqd" are an inevitable aspect of daily human life, as every individual has desires and needs. Contracts are not confined to economic or muamalah fields but encompass social and political aspects. This concept, practiced for a long time, emphasizes commitment from all parties involved, forming a strong foundation for positive relationships in society to uphold well-being and justice. In the economic context, contracts play a crucial role in business and trade. Contract elements permeate every aspect of muamalah, ensuring that each transaction is conducted with integrity and honesty. The existence of contracts not only preserves interpersonal relationships but also protects the rights of every individual involved. The agreement between two parties on a matter is not merely a unilateral agreement but also carries legal implications. Both parties are bound by the obligation to adhere to all contract terms, emphasizing the importance of compliance with the agreement. Contracts are not just legal regulations but also the foundation of trust in business affairs. Their presence affirms the responsibility of implementation with integrity, establishing a robust basis for the preservation of justice and harmony in the economic community. Therefore, contracts are not just tools to regulate transactions but also pillars that build trust and balance in human interactions in daily life. A good understanding of contracts based on a specific school of thought enables humans to conduct exchange agreements effectively and fulfill all requirements established in Islamic law.*

Keywords: *Parameters, Exchange Agreement, Comparative Jurisprudence, Review*

Pengenalan

Sistem ekonomi Islam ialah satu rangka kerja ekonomi yang berasaskan pada ajaran dan nilai-nilai Islam dengan bersumberkan dari Al-Quran dan Hadis. Sistem ini merupakan sebahagian panduan dan amalan daripada ajaran Islam yang bersifat universal. Secara khususnya sistem ekonomi Islam berbeza daripada amalan dalam sistem ekonomi kapitalis dan sosialis. Dalam beberapa aspek, sistem ini menjadi rujukan yang relevan bagi kedua-dua sistem tersebut. Sistem ekonomi Islam mempunyai elemen sifat-sifat positif dalam setiap aspek aktiviti, berbeza dengan sistem kapitalisme dan sosialisme yang mempunyai matlamat peribadi yang tersendiri dalam setiap perlaksanaannya (Munir, Misbahul dan A. Djalaluddin 2014).

Perlaksanaan aktiviti ekonomi Islam yang berpandukan pada sumber rujukan Al-Quran dan Hadis, membentuk suatu kerangka ekonomi yang dinamik dan berbeza dari amalan dalam sistem kapitalisme serta sosialisme. Seperti yang dinyatakan oleh Munir, Misbahul, dan A. Djalaluddin (2014), sistem ini bukan sahaja menjadi rujukan utama oleh kedua-dua sistem tersebut, malah dianggap sebagai sistem alternatif bagi sesetengah transaksi yang dijalankan. Kelebihan sistem ekonomi Islam yang membentuk dinamika positif yang telah wujud dalam setiap aspek aktiviti tidak mampu dilaksanakan dalam amalan ekonomi kapitalisme mahupun sosialisme. Hal ini kerana sumber dan rujukan dalam sistem ekonomi merupakan satu teras yang telah di ajarkan oleh Allah SWT kepada hambanya dan diamalkan dari generais ke generasi tanpa ada perubahan yang melanggar prinsip yang telah ditetapkan oleh syarak.

Sistem ekonomi Islam merupakan sistem yang terhindar dari elemen ketidak adilan yang tidak dibenarkan oleh Allah SWT dalam kegiatan transaksi muamalah, salah satunya dalam kegiatan transaksi jual beli dimana Allah SWT telah mengharamkan sebarang transaksi yang dijalankan wujudnya unsur riba, sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran surat Al-Baqarah ayat 275.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ
بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ
مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ
فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan: Orang-orang yang memakan riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan setan karena gila. Yang demikian itu karena mereka berkata bahwa jual beli sama dengan riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Barangsiapa mendapat peringatan dari Tuhannya, lalu dia berhenti, maka apa yang telah diperolehnya dahulu menjadi miliknya dan urusannya (terserah) kepada Allah. Barangsiapa mengulangi, maka mereka itu penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.

Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan elemen yang penting dalam menghasilkan sesuatu kajian berbentuk ilmiah. Selain itu juga dengan adanya objektif kajian, analisis dan dapatan kajian tidak akan menyimpang dari matlamat utama di dalam sesuatu kajian. Oleh itu dalam kajian ini objektif utama adalah untuk “Menganalisis Parameter Akad Pertukaran Dalam Islam Berdasarkan Perbezaan Perbandingan Dalam Kalangan Imam Mazhab”.

Metodologi Kajian

Antara metod penyelidikan yang digunakan bagi mendapatkan dapatan kajian berkaitan parameter akad pertukaran dalam islam berdasarkan perbandingan mazhab ialah dengan menjalankan kajian perpustakaan. Semasa menjalankan kajian ini, penyelidik telah menggunakan sumber-sumber daripada bahan-bahan bercetak dan juga bahan-bahan elektronik seperti buku-buku rujukan dan juga sumber-sumber daripada internet terutamanya jurnal-jurnal berkaitan konsep akad pertukaran dan perbandingan mazhab berkaitan konsep akad pertukaran. Banyak kajian daripada buku-buku yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini telah diselidiki oleh penyelidik. Ini bagi mendapatkan lebih banyak sumber informasi dan juga maklumat-maklumat tambahan yang boleh dijadikan sebagai bahan masukan bagi mendapatkan gambaran awal berkaitan konsp kajian seteusnya untuk menyempurnakan kajian ini.

Secara umumnya penyelidikan yang dijalankan menggunakan kaedah pengumpulan data iaitu melalui penyelidikan perpustakaan. Data yang diperolehi adalah daripada bahan-bahan yang terdiri daripada kitab bahasa Arab, buku perbankan dan kewangan Islam, jurnal dan pelbagai lagi bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan atau pusat sumber ilmu. Dan di tambah dengan bahan ketika melakukan temubual.

Bagi menganalisa data pula, tiga metod analisis data telah digunakan iaitu metode induktif dan metode deduktif. Metod induktif ialah kaedah menganalisis data dengan mencari pembuktian daripada dalil yang bersifat khusus untuk mencapai dalil yang bersifat umum. Metode ini digunakan untuk mengenalpasti konsep akad pertukaran dalam islam dan apakah perbandingan yang wujud keatas kerangkad pembentukan akad pertukadar berdasarkan perbincangan imam mazhab.

Metod deduktif pula ialah satu cara menganalisis data serta melakukan penulisan berdasarkan fakta-fakta yang bersifat umum kepada fakta-fakta yang bersifat khusus. Metode ini digunakan

untuk menganalisis elemen perbandingan yang wujud berdasarkan kepada kerangka akad pertukaran yang wujud dalam pelaksanaan akad pertukaran berdasarkan perbincangan imam mazhab.

Kajian Lepas

Kontrak dalam Islam adalah perjanjian antara dua pihak atau lebih yang diakui secara sah, mengikat, dan memberikan kesan. Undang-undang komersial Islam merangkumi pelbagai jenis kontrak yang sesuai dengan keperluan dan keadaan yang berbeza. Perhubungan undang-undang dalam kontrak ini melibatkan pertukaran dua hala yang mengalir sebagai hasil dari undang-undang yang berkaitan dengan barang dan harga. Ini membentuk transaksi sebenar yang membawa liabiliti dan hak kepada pihak-pihak yang terlibat (Ahmad, F. 2018).

Dari sudut pandangan undang-undang Islam, kontrak dapat dibahagikan kepada dua kategori utama: unilateral dan bilateral. Kontrak unilateral termasuk transaksi yang memberi manfaat kepada penerima sahaja, seperti Hadiah, Hibah, Ibra, Wasiyyat, Wakaf, dan Qard. Sementara itu, kontrak bilateral lebih terikat kepada persetujuan dan garis panduan yang ketat, memerlukan persetujuan kedua-dua pihak (Kamali, M.H. 2008). Ia merangkumi urusan niaga komersial lain yang dibenarkan, seperti jual beli, keselamatan, perkongsian, jagaan selamat, wakalah, dan ju'alah. Walaupun apa yang biasanya diterima dalam kontrak unilateral tidak semestinya berlaku dalam kontrak dua hala (Al-Daraisy, A.I. 2013).

Definisi Kontrak (al-Aqd/Pertukaran)

Perkataan akad merujuk dari dua istilah dalam Al-Quran yang berkait dengan kata nama bersifat perjanjian iaitu *al-aqdu* (akad) dan *al-'ahdu* (janji). Pengertian akad dari segi bahasa adalah bermaksud kepada makna ikatan, mengikat. Dimaknakan dengan ikatan (*al-rabth*) adalah merujuk kepada kata dasar yang memberi maksud menghimpun atau mengumpulkan dua belah hujung tali dan mengikatkan salah satunya pada yang lainnya sehingga kedua hujung tali tersebut bersambung dan menjadi seutas tali yang satu.

Berdasarkan kepada maksud *etimologi*, akad dari sudut makna lain bererti:

مِنْ أَوْ جَانِبٍ مِنْ مَعْنَوِيَا أَمْ أَحْسَبِي رِبْطًا أَكَانَ الشَّيْءِ أَطْرَافِ بَيْنَ الرِّبْطِ
جَانِبَيْنِ.

maksudnya: "Ikatan antara dua perkara, baik ikatan secara nyata atau pun ikatan secara *maknawi*, dari satu segi maupun dari dua segi".

berdasarkan *terminologi* ulama fiqih, akad boleh diistilahkan kepada dua aspek, iaitu secara umum dan secara khusus:

a. Istilah Umum

Secara umum, istilah akad dalam makna yang lebih mendalam boeh dikaitkan dengan pengertian akad dari segi bahasa menurut ulama Syafi'iyah, Malikiah, dan Hanbaliyah, yaitu:

وَالْبِرَاءِ كَالْوَقْفِ مَنْفَرِدَةٍ بِإِرَادَةِ صَدْرٍ سِوَاءِ فِعْلِهِ عَلَى الْمَرْءِ عَزَمَ مَا كَلَّ
وَالطَّلَقِ
وَالرَّهْ وَالْتَوْكِيلِ وَالْيَجَارِ كَالْبَيْعِ إِشْنَاهِ فِي إِرَادَتَيْنِ إِلَى إِحْتِاجِ أَمْ وَالْيَمِينِ

Maksudnya:

“Segala sesuatu yang dilakukan oleh seseorang berdasarkan keinginan sendiri, seperti waqaf, talak, pembebasan (cerai), atau sesuatu pembentukan akad yang memerlukan keinginan oleh dua pihak seperti jual beli, perwakilan, dan gadai”.

b. Istilah Khusus

Istilah akad dalam kota makna yang lebih khusus seperti yang diutarakan ulama fiqh adalah dengan merujuk kepada kata dasar;

مَحَلِّهِ فِي أَثَرِهِ يَثْبُتُ مَشْرُوعٍ وَجْهٍ عَلَى بَقْبُولِ إِجَابِ إِزْتِبَاطِ

Maksudnya:

“Perikatan yang ditetapkan dengan akad ijab-qabul berdasarkan ketentuan syara’ yang memberi kesan pada subjek akad”.

Oleh itu konsep kontrak atau akad (al-aqd) boleh diterjemahkan sebagai maksud “ikatan” atau “simpulan”. Konsep ini merupakan satu tindakan dan elemen mengenai persetujuan yang dilakukan di antara satu pihak yang telah menawarkan (ijab) dan satu pihak lagi yang telah menerima tawaran (qabul) dengan berpandukan kepada kaedah yang telah disyariatkan serta membawa kepada (thabit) hasil keatasnya dari segi perundangan terhadap persetujuan tersebut. Akad ini memberikan kesan keatas hak dan perlindungan kepada kedua belah pihak serta meningkatkan persefahaman kerjasama dalam aktiviti ekonomi melalui pelaksanaan setiap butiran kontrak yang dipersetujui.

Akad dari perspektif dalam bahasa Arab merangkumi pelbagai maksud seperti maksud janji, jaminan, kepercayaan, dan maksud ikatan, sama ada dalam konsep ikatan sebenar seperti mengikat tali atau ikatan simbolik seperti dalam akad jual-beli atau sesuatu perjanjian seperti berjanji untuk menyerahkan barang. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, akad membawa maksud sebagai janji dan perjanjian yang mengikat. Dengan kata lain, akad dan kontrak merupakan perkataan sinonim yang sama dengan maksud yang ingin disampaikan adalah menggambarkan ikatan antara dua belah pihak yang bersetuju atau terikat pada sesuatu tindakan yang dipahami bersama.

Dalam istilah fiqh, akad merujuk kepada ikatan antara ijab dan qabul yang dilakukan secara syariat oleh dua pihak atau lebih yang ingin menjalankan sesuatu akad, dan kesannya merujuk kepada barangan yang terlibat. Secara ringkasnya, akad melibatkan pertukaran kata-kata dan pengakuan di antara pihak yang berakad berdasarkan kepada satu tujuan yang sama, dengan mematuhi ketentuan yang ditetapkan oleh syarak yang akan memberikan kesan terhadap sifat barang dan subjek yang terlibat dalam akad tersebut. (al-Zuhaily, Wahbah, 2002, Fiqh & perundangan Islam, pent. Md. Akhir Haji Yaacob, Dewan Bahasa dan Pustaka, jld.4, hlm.83). Dari segi undang-undang, kontrak didefinisikan sebagai perjanjian yang sah jika dilakukan secara sukarela oleh pihak-pihak yang menjalankan kontrak dalam keadaan memenuhi syarat yang telah ditetapkan dan dipersetujui untuk membuat kontrak, dengan adanya balasan (pertukaran) yang sah dan segala perilaku serta tindakan dibuat sama ada perkataan dan jenis pertukaran yang dijalankan adalah sah menurut undang-undang yang diiktiraf. (Akta Kontrak, seksyen 10 (1)).

Konsep Akad menurut Para Ulama Mazhab

Perkataan akad adalah berasal dari kata dasar bahasa arab عقد yang dari segi istilah bahasanya membawa kepada beberapa maksud seperti merujuk kepada bermaksud ikatan atau pertalian (Jār Allāh, 1438), mengumpulkan atau menguatkan, perjanjian dan juga di maksudkan

sebagai jaminan (Al-'Imronī, 2006). Ulama' telah membagikan maksud al-'uqūd dalam aspek istilah pada dua bahagian iaitu bahagian pertama, al-'uqūd dalam runag perbincangan makna umum iaitu setiap yang dibenarkankan dan ikatan, sama ada dilakukan oleh dua pihak yang saling berhubung dan berbincang seperti perbincangan berkaitan jual beli, ataupun yang dilaksanakan hanya oleh satu pihak seperti akad sumpah atau al-yamin, akad kafarah atau zihar (Al-'Imronī, 2006).

Al-'uqūd dalam konteks istilah yang khusus, merujuk kepada ikatan antara dua bahagian hujung yang telah bersimpul atau bercantum melalui ikatan atau simpulan. Penggunaan makna kedua ini umumnya dipakai oleh para fuqaha bagi merujuk konsep ikatan yang dilakukan dalam elemen akad (Al-'Imronī, 2006). Menurut ulama Hanabilah, Syafiiyah, dan Hanafiyah pula, maksud akad secara khusus adalah merujuk kepada sesuatu yang telah ditetapkan oleh kedua belah pihak yang berakad atau bersumpah untuk melakukan sesuatu yang pada awalnya wujud persetujuan dalam bentuk ijab dan qabul oleh keduanya keatas perkara yang ingin di akad (Jār Allāh, 1438).

Bagi ulama' fiqh hanafiyah pula, sebagaimana yang dikarang oleh imam Abd al-Azīz dalam kitab majallāt al-ahkām al-'adliyyāt, beliau menjelaskan bahawa akad ialah sesuatu yang merujuk kepada persetujuan diantara kedua belah pihak terhadap sesuatu yang telah dilafaskan dalam akad ijab dan qabul. Menurut Badr ad-dīn asy-syāfi'i akad ditakrifkan sebagai pertalian diantara akad ijab dan qabul yang telah dilakukan oleh dua pihak yang berkontrak. Bagi maksud akad menurut fiqh Hanabilah pula, ia merujuk kepada suatu muamalah yang menimbulkan kewajiban di antara kedua belah pihak yang berakad untuk menjalankan kewajiban yang telah ditetapkan berdasarkan ikatan dalam akad ijab dan qabul yang telah dimeterai (Jār Allāh, 1438). Berdasarkan perbahasan di atas, dapat dirumuskan bahawa akad menurut istilah fikih yang lebih khusus dan lengkap melibatkan keseluruhan akad māliyah yang dijalankan oleh kedua belah pihak atau lebih, seperti akad jual beli, ijarah, gadaian, pinjaman, dan jenis-jenis akad yang lain. Selain itu, dalam elemen akad wujudnya akad-akad gair māliyah seperti akad nikah, cerai, dan lain-lain. Penggunaan istilah "akad" dapat digunakan secara terus sebagaimana maksud asalnya yang dapat ditafsirkan dengan maksud sebuah ikatan atau persetujuan, seperti mengikat tali atau sesuatu yang disimpulkan yang telah mengikat keduanya keatas sesuatu perkara. Akad juga dapat ditakrifkan secara kiasan, dengan merujuk kepada ikatan antara ijab dan qabul. Dengan demikian, konsep akad dalam bahasa boleh dirujuk sebagai kalimat akad secara maknawi atau kiasan, seperti jual beli, nikah, dan lain sebagainya (Jār Allāh, 1438).

Dalam kitab Mursyid al-Hairan Syamsul Anwar (2010) menjelaskan takrifan akad merujuk kepada satu pertemuan diantara akad ijab yang telah diajukan oleh salah satu pihak dengan wujudnya lafaz penerimaan akad qabul dari pihak lain. Proses ini telah membentuk satu hukum atau kesan terhadap subjek atau perkara yang telah dilibatkan dalam akad tersebut (Anwar, 2010)

Menurut konsep ekonomi islam pengertian Akad dalam muamalah adalah merujuk kepada satu kesepakatan yang terjadi dalam satu perjanjian yang melibatkan dua pihak atau lebih untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan sesuatu perbuatan, atau perjanjian yang mempunyai kesan terhadap hukum tertentu. Akad juga dapat diistilahkan sebagai suatu kontrak yang akan dilaksanakan oleh dua pihak. (Mas'adi, Ghufron, 2002)

Bagi pandangan Ibnu Abidin sebagaimana yang telah dibincangkan oleh M.A. Manan, konsep kontrak secara terminologinya merujuk kepada pertalian antara ijab dan qabul yang selaras dengan kehendak Allah dan RasulNya serta mendapat kebenaran dari Syariah keatas perlakuan

yang telah dijalankan. Ini kemudian memberikan kesan kepada aplikasi hukum berdasarkan jenis akad yang dilaksanakan ke atas subjeknya. Kepatuhan kepada syarak adalah elemen penting keatas setiap pelaksanaan ikatan dalam kontrak (Manan, 2012).

Oleh itu, berdasarkan perbincangan mengenai maksud dan konsep akad di atas, penulis mendefinisikan akad sebagai suatu perjanjian atau hubungan antara dua pihak atau lebih yang diwujudkan melalui lafaz ijab dan qabul keatas sesuatu perkara yang di inginkan. Perjanjian ini melibatkan tindakan melakukan atau tidak melakukan sesuatu dalam konteks kontrak (seperti serahan, atau menjalankan sesuatu perkara), dan mengakibatkan timbulnya hak dan kewajiban di antara kedua belah pihak, serta menerapkan hukum syarak.

Dengan demikian, dapat dijelaskan bahawa melalui akad sesuatu kewajiban dan hak dibentuk bagi kedua belah pihak berdasarkan jenis akad yang dijalankan. Iltizām atau keharusan tersebut meliputi setiap taṣarruf yang melibatkan pemberian, pemindahan, penggantian, atau penghilangan hak keatas sesuatu yang telah dimeterai. Hal ini berlaku hasil dari kehendak individu secara personal, seperti dalam wakaf, talak, dan sebagainya, atau berasal dari kesepakatan kedua belah pihak, seperti dalam akad jual beli, sewa menyewa, dan sejenisnya. (Khosyri'ah, 2014)

Jadual dibawah merujuk kepada perbezaan konsep akad menurut perbincangan imam mazhab secara ringkasnya:

Jadual 1: Konsep Akad Menurut Perbincangan Imam Mazhab

<i>Aspek Bahasa</i>	Jumhur Ulama	Fiqh Hanafiyah	Fiqh Syafiiyah	Fiqh Hanabilah
Makna Al-Aqd	Bermaksud ikatan, pertalian, mengumpulkan, menguatkan, perjanjian, atau jaminan.	Dibagi menjadi dua: 1. Makna umum - melibatkan ikatan diharuskan, baik oleh dua pihak yang berinteraksi (jual beli) atau satu pihak (sumpah). 2. Makna khusus - merujuk pada ikatan antara dua hujung yang bersimpul.	Merupakan sesuatu yang telah ditetapkan oleh kedua belah pihak yang berakad atau bersumpah untuk melakukan sesuatu, dengan persetujuan awal melalui ijab dan qabul.	Merujuk kepada suatu muamalah yang menimbulkan kewajiban antara kedua belah pihak yang berakad, didasarkan pada adanya ijab dan qabul.
Makna Akad	Kesepakatan kedua belah pihak yang diungkapkan dalam ijab dan qabul.	Sesuatu yang merujuk kepada kesepakatan kedua belah pihak terhadap sesuatu yang diungkapkan dalam ijab dan qabul.	Pertalian antara ijab dan qabul.	Suatu muamalah yang menimbulkan kewajiban antara kedua belah pihak yang berakad, berdasarkan adanya ijab dan qabul.

Rukun Akad Berdasarkan Pandangan Mazhab

Para imam mazhab telah memberikan pelbagai pandangan dan perbahasan yang telah dibincangkan oleh mereka dalam menentukan rukun dan syarat dalam akad. Walau bagaimanapun, masih terdapat titik pertemuan dan persamaan yang dapat dihubungkan dalam merumus rukun akad muamalat Islam bagi membentuk satu kerangka yang jelas berkaitan konsep akad pertukaran dalam Islam. Titik-titik persetujuan ini boleh dijadikan sebagai rujukan dalam muamalat Islam.

Pandangan dan perbahasan imam mazhab mengenai rukun dan syarat dalam akad muamalat Islam memberikan kerangka kerja yang pelbagai bagi menentukan sifat keatas akad pertukaran dalam Islam (Al-Qardawi, 1999). Walaupun demikian, masih terdapat titik pertemuan dan persamaan yang boleh disimpulkan dalam membentuk satu rukun akad. Kesepakatan ini menjadi rujukan utama dalam muamalat Islam dan digunapakai dalam akad pertukaran (Ibn Qudamah, 2005).

Walaupun para imam mazhab mempunyai berbagai perspektif dalam pembentukan rukun akad, namun mereka sepakat pada elemen-elemen pokok yang membentuk asas sahnya akad dan rukun yang perlu ada dalam akad pertukaran (Al-Suyuti, 2006). Kesepakatan ini memberikan panduan yang kukuh terhadap pelaksanaan akad muamalat dengan penuh ketelusan dan keadilan. Oleh itu, walaupun terdapat perbezaan dari sudut pandangan tertentu, bagi titik persamaan yang lain mampu menggariskan prinsip-prinsip yang tetap bagi membentuk panduan yang konsisten dalam melakukan transaksi muamalat dalam lingkungan nilai dan etika Islam (Ibn Qudamah, 2005).

Menurut **mazhab imam Hanafiah**, rukun dan syarat akad yang harus dipenuhi dalam melakukan akad, hanya merujuk kepada satu rukun akad sahaja iaitu lafaz *sighah* akad. Akad yang dijalankan itu secara khususnya merujuk kepada lafaz *ijab* dan *qabul*, atau perbuatan yang menunjukkan adanya kerelaan dan persetujuan untuk melakukan pertukaran baik bersifat ucapan ataupun perbuatan yang mewakili lafaz akad. Bagi mazhab imam Hanafi pula perlu wujudnya *al-'aqidain* iaitu pihak yang menjalankan akad dan *al-ma'qud 'alaih* atau merujuk kepada subjek akad bagi menggambarkan elemen keseluruhan keatas rukun akad untuk *ijab* dan *qabul* yang dijalankan (Al-zuhaili, 2008). Dan menurut pandangan imam Hanafi pula, *sighah* akad *ijab qabul* tidak mungkin dapat dilakukan tanpa adanya kedua pihak yang berakad dan tidak ada subjek yang akan di dalam akad tersebut.

Bagi pandangan mazhab **imam Syafi'i dan imam Maliki** pula, terdapat perbezaan keatas perbahasan mengenai rukun akad dalam sesuatu akad yang dijalankan. Bagi kedua imam ini *aqidain* dan *al-ma'qud 'alaih* adalah sebahagian dari rukun akad dan wujudnya kesepakatan antara keduanya keatas rukun ini. Hal ini kerana untuk terlaksananya suatu akad, kedua rukun ini merupakan unsur utama yang akan memainkan peranan dalam pelaksanaan akad. Namun, bagi pandangan **jumhur ulama**, mereka berpendapat bahawa rukun akad haruslah wujud tiga perkara utama bagi melaksanakan sesuatu akad perjanjian. Rukun-rukun tersebut adalah merujuk kepada dua pihak yang berakad atau *al-'aqidain*, rukun kedua ialah subjek akad atau *al-ma'qud 'alaih* dan yang terakhir ialah *sighat al-'aqdi* iaitu *ijab* dan *qabul*. (Rajafi, 2013) Jadual dibawah merujuk kepada perbezaan konsep rukun menurut perbincangan imam mazhab secara ringkasnya:

Jadual 2: Perbezaan Konsep Rukun Menurut Perbincangan Imam Mazhab

Aspek Akad	Imam Syafi'i dan Imam			
	Imam Hanafi	Maliki	Jumhur Ulama	
Rukun Akad	Lafaz Sighah Akad (Ijab dan Qabul)	(Dua Pihak Berakad)	(Dua Pihak Berakad)	(Dua Pihak Berakad)
		Al-Ma'qud 'Alaih (Subjek Akad)	Al-Ma'qud 'Alaih (Subjek Akad)	Sighat Al-'Aqdi (Ijab dan Qabul)
Syarat di Atas Rukun Akad	Wujudnya 'Aqidain Al-Ma'qud 'Alaih	Wujudnya 'Aqidain Al-Ma'qud 'Alaih	Wujudnya 'Aqidain, Al-Ma'qud 'Alaih,	dan Sighat Al-'Aqdi

Penutup

Muamalat merujuk kepada sistem kewangan dan ekonomi yang menjadi panduan dalam kehidupan ekonomi masyarakat Muslim. Sistem ini bertujuan untuk mengatur transaksi dan urusan kewangan dengan mematuhi prinsip-prinsip Islam. Seiring dengan perubahan dan pembaharuan yang berterusan dalam sistem ekonomi dan kewangan global, sistem muamalat perlu beradaptasi dengan merumuskan peraturan baharu yang dapat menyesuaikan diri dengan dinamika perubahan tersebut. Dalam konteks ini, keperluan untuk mengurus dan memenuhi tuntutan perubahan ekonomi menjadi penting. Oleh itu, sistem muamalat yang mengawalinya harus dilengkapi dengan prinsip-prinsip yang dapat disesuaikan dengan keadaan semasa dan memenuhi keperluan masyarakat pada masa kini. Rujukan dan panduan yang jelas berkaitan elemen akad pertukaran yang dibenarkan dalam Islam juga merupakan tunjang penting dalam sesuatu akad yang ingin dijalankan. Hal ini supaya setiap akad yang dilakukan tidak bertentangan dengan sifat dan kehendak yang telah di gariskan oleh syarak.

Rujukan

- Al-Daraisy, Abdul-Ilah. "Islamic Contract Law: A Socio-Legal Analysis." *Journal of Islamic Law and Culture*, vol. 15, no. 3, 2013, pp. 215-231
- Al-Qardawi, Y. (1999). *Fiqh al-Mu'amalat*. Beirut: Dar al-Nafaes
- Al-Zuhaily, Wahbab. 2005. *Al Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damaskus: Dar al Fikr, , juz 4
- Ahmad, Fauzan. "Islamic Commercial Law: An Overview." *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, vol. 14, no. 1, 2018, pp. 1-17.
- Anwar, Syamsul. 2010. *Hukum Perjanjian Syariah Studi Tentang Teori Akad Dalam Fikih Muamalah*. Jakarta: Rajawali Pers
- Dimiyati, Khudzaifah dan Wardiono, Kelik. 2004. *Metode Penelitian Hukum*. Surakarta: Fakultas Hukum UMS
- Hakim, Lukman. 2012. *Prinsip-Prinsip Ekonomi Islam*. Yogyakarta: Erlangga,
- Hasan, M. Ali. 2003. *Berbagai Macam Transaksi Dalam Islam (Fiqh Muamalah)*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada
- Ibn Qudamah. (2008). *Al Mughni Syarh Mukhtasar Al Khiraqi*, Juz 3, diterjemahkan oleh Amir Hamzah, Pustaka Azzam.
- Jār Allāh, A. A.-'Azīz B. G. A. 'Alī. (1438). *Ahkām wa Dawābit Al-'Uqūd Al-elektrōniyah fī Al-fiqh Al-Islāmī wa Al-qānūn "bi Al-taṭbīq 'Alā Nizām Al-ta'āmulāt Al-elektrōniyah Al-Su'ūdī.*" Riyāḍ: Dār Al kutub Al-jāmi 'ili Al-nayr wa Al-tauzi.
- Kamali, Mohammad Hashim. 2008. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Islamic Texts Society,

- Mas'adi, Ghufron . 2002. *Fiqih Muamalah Kontektual*, Cet. 1, Jakarta: Raja Grafindo Persada, Munir, Misbahul dan A. Djalaluddin, *Ekonomi Qur'ani: Doktrin Reformasi Ekonomi dalam al-Qur'an*. Malang: Uin Maliki Press, 2014.
- Rachmat Syafe'i, M.A, *Fiqih Muamalah*, (Bandung: Pustaka Setia, 2001),
- Rajafi, M. S. (2013). *Nāṣir al-Sharī'ah al-Islāmīyah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī. Wirjono Prodjodikoro, *Asas-Asas Hukum Perjanjian*, (Bandung: Sumur Bandung, 1973),